

**AKU, DAKWAH DAN DUNIA** Oleh Wan Muhammad Wan Ibrahim. 2021. Amsyi Training & Creative Solutions: Gombak, Kuala Lumpur. Halaman 387. ISBN 978-967-19514-0-8.

Islam adalah satu agama dakwah dan kebenaran yang boleh diikuti oleh sesiapa sahaja secara praktikal tanpa halangan bangsa, ras, keturunan, warna kulit dan status ekonomi. Dalam kerja dakwah, Allah SWT akan menilai sama ada seseorang Muslim telah melakukan usaha-usaha dakwah dan adakah ia dilakukan secara bijaksana ataupun tidak. Justeru, Islam telah mempromosi keamanan dan perpaduan serta menolak diskriminasi etnik dan warna kulit. Islam juga mengajar keharmonian dan menolak kekerasan dalam konteks beragama dan tidak mengajarkan pertumpahan darah tanpa sebab-sebab yang munasabah.

Buku yang berjudul *Aku, Dakwah dan Dunia* telah ditulis oleh Wan Muhammad Wan Ibrahim. Beliau dilahirkan di Petaling Jaya Selangor pada 20 Februari 1981 dan mendapat Pendidikan awal di Sekolah Rendah Al-Amin Kuala Lumpur serta meneruskan peringkat menengah di Sekolah Menengah Al-Amin Gombak. Seterusnya, beliau menyambung pengajian dalam bidang Sarjana Muda Komunikasi Massa di UiTM Shah Alam. Beliau kini berkhidmat sebagai Pengurus Outreach di Hidayah Centre Foundation (HCF). Lebih menarik lagi, beliau telah menjelajah banyak negara untuk berdakwah di samping membukukan coretan perjalanannya untuk dibaca oleh masyarakat. Selain itu beliau juga menyertai Gabungan Dakwah Malaysia, Regional Development Community Berhad, Pusat Pendidikan Al-Amin Berhad dan Akademi Al-Amin Sdn Bhd. Beliau telah berkahwin dan mempunyai lima orang cahaya mata dan sangat dikagumi kerana telah mengajak ramai *non muslim* terputut dengan keindahan Islam seterusnya mengucap dua kalimah syahadah.

Buku setebal 387 halaman mengandungi 15 bab. Penulis memulakan intipati buku dengan sepotong ayat al-Quran dari Surah Saba' ayat 28 supaya pembaca mengetahui tanggungjawab mereka untuk menyeru masyarakat dan berdakwah kepada seantero dunia. Melalui 15 bab tersebut, dapat dibahagikan kepada 5 bahagian iaitu Asia, Eropah, Arab, Australia dan USA. Terdapat 8 negara Asia yang diceritakan melalui buku ini dan dibahagikan kepada dua bahagian di mana yang pertama majoriti penduduknya beragama Islam dan yang kedua majoriti penduduknya adalah *non muslim*. Negara Asia yang majoriti penduduknya beragama Islam ialah Banda Aceh, Sabah dan Brunei manakala negara Asia yang penduduknya adalah terdiri daripada non muslim ialah Beijing, Seoul, Singapura, Tokyo dan Battambang. Bagi negara Eropah pula terdiri daripada Istanbul, Warsaw, dan Dili manakala Manama mewakili negara Arab. Selain itu, penulis juga menjejakkan kaki ke Australia yang terdiri daripada Port Moresby dan Perth serta satu-satunya negara terakhir yang dilawati adalah Amerika Syarikat dan selepas itu penulis tidak dapat menjelajah ke luar negara disebabkan COVID-19.

Berikut adalah pengalaman yang dilalui oleh penulis ketika menjelajah 3 negara Asia yang majoriti penduduknya beragama Islam. Tentunya semua pembaca mengingati peristiwa Tsunami di Banda Aceh pada tahun 2004 yang mana juga dilawati oleh penulis. Beliau bersama rombongan Pusat Pendidikan Al-Amin Berhad telah melakukan kembara ke bumi Aceh yang dikenali Kutaradja. Penulis berkesempatan melawati Pasar Atjeh yang telah dihempas Tsunami dan dibina semula hasil daripada sumbangan rakyat Jepun. Selain itu, penulis menziarahi Kuburan Masal Siron dan Gampung Lampulo. Apa yang menarik, rombongan penulis dapat melihat kapal besar Pembangkit Listrik Tenaga Diesel (PLTD). Kapal ini hanyut semasa Tsunami berlaku. Pengunjung yang ingin bertandang ke Bumi Aceh tentunya tidak akan melepaskan peluang untuk mengunjungi Muzium Tsunami Aceh. Terdapat sebuah masjid bernama Mesjid Rahmatullah yang terselamat daripada Tsunami dan menjalankan aktiviti keagamaan seperti kelas Pendidikan Islam di perkarangan masjid iaitu di laman. Tsunami yang

berlaku di Banda Aceh membuat Banda Aceh seperti padang jarak padang terkukur dan ramai yang terkorban serta anak-anak menjadi yatim piatu. Terdapat sekolah bertaraf antarabangsa iaitu Fatih Bilingual School (FBS) yang sangat terkenal. Di samping itu, penulis juga berkesempatan mengunjungi Universitas Islam Negeri Ar-Raniry (UNIAR) di mana kebanyakan rakyat Malaysia menyambung pengajian di UNIAR.

Penulis juga berkesempatan untuk melawat negara sendiri iaitu Negeri Sabah di bawah bayu di mana penulis berkesempatan melawat Desa Dairy Farm, Kundasang iaitu sebuah ladang ternakan tenusu yang mirip New Zealand. Penulis menyampaikan khutbah Jumaat di Bundu Tuhan satu perkampungan yang mempunyai saudara baru di mana terletaknya pejabat cawangan Hidayah Centre. Selain itu, penulis dibawa ke Beluran dan Kampung Kaiboton di Paitan. Di sana penulis menyampaikan dakwah kepada mereka yang bukan beragama Islam dan hasilnya dua orang penduduk di sana ~~terus~~ menyatakan hasrat untuk memeluk Islam. Pada malam tersebut penulis telah bermalam di Kampung Dampiron dan menyaksikan penduduk-penduduk yang tidak mempunyai bekalan elektrik sehingga mereka memakai generator. Mereka juga tiada bekalan air bersih dan hanya mengharapkan air hujan dan air sungai. Justeru, pihak Hidayah Centre telah menghadihkan sebuah motorsikal kepada pekerja Hidayah Centre Beluran untuk memudahkan urusan mereka

Negara yang majoriti penduduknya muslim adalah Brunei. Negara ini sangat dicemburui oleh pelbagai lapisan masyarakat kerana mempunyai sultan yang sangat prihatin terhadap rakyat. Brunei adalah sebuah negara yang kaya dengan sumber minyak. Penulis telah mengunjungi Masjid Omar Ali Saifuddien di Bandar Seri Bagawan, Masjid al-Ameerah al-hajjah Maryam. Menariknya, di Brunei, tulisan jawi sangat popular dan digunakan oleh semua lapisan masyarakat. Antara pusat dakwah yang membantu kejayaan dakwah di Brunei ialah Pusat Dakwah Islamiah Brunei Darussalam. Pelbagai aktiviti dalam bidang Kemahiran Hidup dan keterampilan diri diadakan bagi meluaskan konsep berdaya saing melalui suntikan modal perniagaan.

Penulis berpeluang mengunjungi Beijing bersama Prof. Dr. Taufiq Yap Yun Hin. Antara cabaran penulis di Beijing ialah penulis terpaksa berpuasa selama 17 jam. Penulis telah menaikimotorsikal elektrik ketika berada di Beijing untuk membentangkan teknik dan langkah berdakwah di Fakulti Bahasa dan Kesusasteraan Cina. Apa yang lebih mengujakan penulis dapat mendengar pembentangan Prof. Dr. Taufiq mengenai kepercayaan dan budaya masyarakat Cina seperti agama Buddha, Taoisme dan Konfusian. Terdapat salah faham juga terhadap Islam antaranya ialah masuk Islam adalah masuk Melayu. Justeru, Prof Dr. Taufiq Yap telah merungkai persoalan ini. Selain itu, penulis juga berkesempatan melawat Temple of Heaven dan The Hall of Prayer for Good Harvest. Selain daripada berpuasa, penulis juga berkesempatan menunaikan solat Terawih di asrama kediaman pelajar. Laluan koridor sebenarnya menjadi tempat untuk pelajar lelaki yang beragama Islam solat manakala pelajar perempuan akan solat di bilik serbaguna. Bagi makanan halal penulis mendapatkan makanan tersebut di Niujie Street.

Debaran yang tidak mungkin dilupakan apabila penulis melawati Negara Seoul kerana beliau telah tertinggal beg gelas di dalam beg. Namun, beg gelas tersebut telah dijumpai dengan selamat walaupun di dalam beg tersebut terdapat laptop dan wang tunai yang banyak. Di Seoul, penulis telah melawati Masjid Sentral Seoul yang merupakan Masjid tertua di Korea Selatan yang di dalamnya mempunyai sekolah. Hasil pembiayaan daripada Korea Muslim Federation dan Putera Mahkota Kerajaan Arab Saudi maka terbinalah sekolah Prince Sultan Islamic School untuk memberikan pendedahan kepada orang Islam berkenaan Al-Quran Hadis dan Fekah. Selain itu, penulis juga berkesempatan untuk bertemu dengan sebuah organisasi bernama Salam Nuri yang

menjalankan pelbagai aktiviti seperti bengkel, konferens, perkhemahan dan sebagainya. Namun, cabaran menyampaikan dakwah di Korea Selatan ini sangatlah besar kerana pelbagai tanggapan yang dibuat kepada orang Islam di sana. Justeru, penulis berkongsi pengalaman supaya menjadikan masjid sebagai ruang dakwah kepadamasyarakat dan difahamkan terdapat selebriti Korea juga yang telah memeluk Islam.

Singapura adalah satu negara yang menjadi tumpuan pedagang. Walaupun Negara Singapura bersaiz kecil namun ekonomi Singapura membuatkan ramai masyarakat Malaysia berhijrah untuk bekerja di Singapura disebabkan mata wang yang tinggi. Antara objektif lawatan penulis ke Singapura adalah berukhwah, menziarahi Masjid Sultan, lawatan ke Muslim Converts' Association of Singapore (MCAS) dan menjalin hubungan dengan kumpulan belia Islam. Uniknyanya Masjid Sultan yang terletak di Kampong Glam Malay Heritage District mempunyai penyokong daripada etnik Melayu, Jawa, Bugis, Arab, India Utara dan India Selatan. MCAS telah menjalankan pelbagai aktiviti antaranya adalah aplikasi Islam4All pada tahun 2015 yang boleh dimuat turun menerusi telefon pintar. Seramai 700 orang telah memeluk Islam di bawah MCAS dan perkara ini sangat membanggakan kerana dakwah tidak mengira warna kulit dan semoga lebih ramai lagi masyarakat di Singapura yang dapat ditarbiah dan disantuni melalui kempen-kempen yang telah digerakkan oleh MCAS.

Antara negara yang dilawati oleh penulis adalah negara matahari terbit iaitu Tokyo. Jepun sangat maju dengan industri sains dan teknologi antaranya industri automotif, robotik, elektronik, semikonduktor, optik dan sebagainya. Maka tidak hairanlah bahawa Jepun mempunyai sistem pengangkutan awam yang sangat efisien contohnya seperti Tren. Penulis berkesempatan mengunjungi Keio University, Meiji University, Tokyo Camii. Antara komuniti Muslim yang terbesar di Jepun datangnya dari Turki kerana dipercayai terdapat hubungan baik di antara pemerintah Islam di Turki dengan pemerintah di Jepun. Selain itu di Jepun juga terdapat sebuah sekolah dinamakan dengan YUAI iaitu Yuai International IslamicSchool. Masyarakat Jepun sebenarnya mempercayai bahawa terdapat satu kuasa besar yang berada di alam ini. Menariknya, masyarakat Jepun adalah orang yang sangat pembersih, jujur dan sangat menepati masa.

Penulis juga telah melancong ke Battambang dengan mengunjungi bekas rakan sekerja di Hidayah Centre Foundation. Puan Erma Azila yang merupakan warganegara Malaysia telah membuka sebuah pusat pengajian Bahasa Inggeris di Battambang. Seramai 1 juta penduduk di Battambang dan penulis telah dibawa ke Pursat untuk menaiki Keretapi Buluh (Bamboo Train). Antara pengangkutan yang sering digunakan di Battambang adalah tuk-tuk dan terdapat juga rumah yang dibina daripada buluh. Di Kemboja sebanyak 95% adalah penganut agama Buddha dan terdapat perkampungan khas yang didiami oleh orang Islam iaitu di Sungai Sangkae. Seramai 60 orang pelajar yang telah mengikuti pengajian di IBEC iaitu International British English Center. Semoga usaha dakwah Puan Erma Azila mendapat ganjaran dunia dan akhirat.

Antara tempat yang disukai oleh masyarakat adalah Istanbul, Turki. Nama Constantinople tidak asing lagi bagi mereka yang mempelajari Tamadun Islam. Pemimpin seperti Sultan Muhammad Al-Fateh sangat hebat percaturannya dalam peperangan lalu penulis menjejaki Masjid Biru yang mempunyai seni bina geometri yang unik. Selain itu, penulis berkesempatan melawat Hagia Sophia iaitu muzium yang dikenali dengan Ayya Sofya bersama isterinya. Dulunya Ayya Sofya ini adalah sebuah gereja besar. Penulis juga menziarahi Istana Topkopi yang bermaksud Istana Pintu Meriam yang dulunya merupakan pusat pemerintahan. Penulis tidak berkesempatan mengunjungi Taman Gulhane yang terdapat Muzium Sains dan Teknologi Islam. Di kesempatan itu juga, penulis telah berkongsi pengalaman bersama pelajar Turki yang telah dianjurkan oleh

MASAT dengan tajuk Dakwah is Easy. Akhir sekali penulis telah menziarahi Muzium Panorama dan berasa teruja apabila dapat menaiki kapal persiaran untuk merentas Selat Bosforus.

Penulis telah mengembara ke Warsaw yang mempunyai 1.8 juta penduduk di mana 95% rakyatnya beragama Kristian dan merupakan bandar terbesar di Poland. Apa yang menarik di Warsaw penulis dapat menaiki mana-mana tren dan bas dalam masa satu hari dengan menggunakan 15 Zloty sahaja bersamaan RM 1.16. Penulis telah menziarahi Kota Lama Warsaw yang mempunyai Royal Castle, Old Town Market Square dan Cathedral Crypt. Kota Lama Warsaw ini sebenarnya telah dibedil oleh Tentera Jerman. Bagi peminat-peminat bola sepak tentunya telah biasa mendengar nama yang tidak asing lagi iaitu Robert Lewandowski, penyerang Poland yang bertaraf dunia. Penulis juga sempat menyampaikan ceramah kepada pelajar-pelajar Warsaw berkenaan asas dan dakwah dalam masyarakat majmuk dan pelajar-pelajar tersebut adalah pelajar tajaan biasiswa terakhir dari Malaysia.

Penulis juga telah melawat Dili yang merupakan antara negara termiskin di dunia yang telah mendapat kemerdekaan di Indonesia dan dinamakan Timor Leste. Bagi sesiapa yang ingin mengunjungi Dili hanya tiga tempat sahaja yang membuka penerbangan ke Negara Dili iaitu Singapura, Denpasar Bali dan Darwin Australia. Agama Islam berkembang di Timor timur melalui pedagang berketurunan Arab pada awal 1940 an dan selepas itu berlakunya renovasi di Bangunan Masjid an-Nur kerana Masjid tersebut pernah dirosakkan akibat rusuhan kaum. Walaupun mereka mempunyai komuniti orang Islam namun semasa di Timor timur mereka tidak mempunyai masjid tetapi apa yang mengejutkan kebanyakan rakyatnya ketika itu menyokong pembinaan masjid walaupun dalam kalangan *non muslim*.

Penduduk di Dili mempunyai satu juta orang dan walaupun rakyat mereka tidak sampai 1 peratus yang beragama Islam namun negara mereka mengiktiraf Hari Raya Aidilfitri sebagai cuti umum. Terdapat sekolah an-Nur di Dili yang didirikan oleh orang Islam namun 95% pelajarannya adalah dalam kalangan *non muslim* dan setiap tahun terdapat pelajar yang memeluk agama Islam walaupun di bangku sekolah dan ibu bapa mereka yang Kristian memberikan kebenaran kepada anak-anaknya untuk memilih agama.

Bahrain adalah sebuah negara yang terletak di Teluk Parsi dan sangat kukuh kedudukan ekonominya. Penulis telah menyertai Program Jelajah Masjid di Manama bersama rakan-rakan Hidayah Center Foundation. Di sana, penulis mengunjungi Bab al-Bahrain yang menempatkan premis perniagaan iaitu City Centre Bahrain dan Dragon City. Terdapat badan dakwah seperti HCF di Bahrain iaitu Discover Islam Bahrain (DIB) yang ditubuhkan pada tahun 1988. Walaupun negara Bahrain kecil seperti Singapura namun pendakwah dan sukarelawan giat menjalankan street dakwah serta aktiviti-aktiviti yang dapat dimanfaatkan oleh saudara baru. Penulis juga sempat berkenalan dengan pendakwah-pendakwah yang terdiri dari pelbagai negara iaitu Singapura, Filipina, Sri Lanka, India, Arab Saudi, Turki, Finland dan beberapa negara lain semasa menghadiri kursus ATMT.

Port Moresby adalah ibu kota Papua New Guinea. Satu negara kepulauan zon Oceania yang mengambil kira-kira 15 jam dari Kuala Lumpur dan terletak di Utara negara Australia serta merupakan negara yang tertinggi jenayah di dunia. Terdapat satu Masjid ISPNG yang telah dibina oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad hasil daripada sumbangan rakyat Malaysia. Di Papua New Guinea, Islam sebenarnya baru bertapak dan rakyat yang menganuti agama Islam di Papua tidak sampai 5%. Justeru, usaha berterusan telah dibina untuk memperkenalkan agama Islam di Papua New Guinea dengan kerjasama pihak kedutaan Malaysia untuk membina Pusat Dakwah

Islam. Lebih menarik terdapat orang Islam yang bekerja sebagai penjual sayur namun menyumbang pendapatan untuk aktiviti dan persatuan bagi membantu masyarakat Islam. Antara pusat aktiviti utama umat Islam di Port Morseby ialah di Bushwara.

Penulis juga diberikan kesempatan mengembara ke Perth, Australia bersama isterinya ketika musim panas. Perth merupakan sebuah bandar yang menarik perhatian pelancong kerana terhindar dari kesibukan kota. Terdapat lebih kurang 6000 orang Melayu yang tinggal di Perth, dan terdapat pulau-pulau kecil bersebelahan dengan Perth yang dikatakan terdapatnya keturunan Melayu. Lebih menarik lagi, penulis telah dijemput untuk berkongsi pengalaman dakwah di slot Radio Melayu Perth yang mempunyai pendengar daripada warganegara Malaysia, Singapura dan Indonesia yang tinggal di Australia Barat. Penulis berkesempatan mengunjungi Caversham Wildlife Park dan Mandurah selain daripada Whiteman Park, Swan Valley, Frimantle Fishing Boat Harbour, E-Shed Markets, Fremantle markets, Watertown dan Elizabeth Quay. Penulis berasa teruja apabila mendapati golongan warga emas berumur 60 tahun yang masih kuat bekerja dan bertugas sebagai pemandu bas. Di Perth, pelbagai makanan halal mudah didapati di samping institusi Pendidikan Islam yang ditubuh seiring dengan perkembangan Agama Islam yang menjadi perhatian.

Penulis telah menyertai International Visitor Leadership Program (IVLP) bersama dengan lima orang peserta lain bertujuan untuk membina persefahaman bersama antara Amerika Syarikat dengan negara-negara lain melalui lawatan professional di samping memperkenalkan pengurusan sistem pendidikan, pedagogi dan kurikulum peringkat sekolah dan pendidikan tinggi Amerika Syarikat. Beliau telah berkunjung ke empat destinasi iaitu Washington D.C., San Francisco California, Salt Lake City, Utah dan Dallas Texas. Penulis juga diberikan kefahaman asas mengenai sejarah Amerika Syarikat dan melawat White House, U.S Capitol, Lincoln Memorial serta Perpustakaan Kongres yang juga menempatkan naskah-naskah asal dari Tanah Melayu. Umumnya, di Amerika Syarikat juga mempunyai dua jenis sekolah iaitu sekolah awam dan swasta. Selain itu, sewaktu penulis berada di Salt Lake City, penulis telah dibawa ke pusat pentadbiran dan institusi pendidikan yang dikenali sebagai Mormon di mana Amerika Syarikat tidak mempunyai subjek agama di sekolah awam. Lebih menarik di Amerika Syarikat, penulis belajar mendahulukan orang lain.

Melalui buku *Aku*, dakwah dan dunia didapati buku ini memberi gambaran kepada masyarakat *non muslim* berkenaan usaha dakwah yang dilakukan oleh penulis ke seluruh pelusuk negara. Di samping itu buku ini juga sangat diperlukan kepada pelajar-pelajar yang ingin menyambung pengajian ke luar negara dengan menyelusuri sejarah-sejarah di setiap negara. Walaupun pandemik COVID-19 yang melanda sejak 2019 sehingga kini, namun buku ini dapat menghilangkan kebosanan kepada masyarakat yang mempunyai hobi melancong agar mereka dapat mengambil ibrah kerana setiap permusafiran tersebut mempunyai pelbagai cabaran dan hanya orang yang tahu menggunakan setiap sudut masa untuk kepentingan dakwah mampu merencanakan bait-bait dakwah dengan sempurna. Masyarakat Islam juga perlu menitikberatkan kepentingan dakwah kepada semua agar tuntutan dakwah dapat dilaksanakan dan terus subur dalam kalangan masyarakat setempat.

Kesimpulannya, buku ini telah memberi inspirasi dan bagaimana gigihnya penulis mencatat semua catatan pengalaman peribadi beliau dan berusaha untuk mengembangkan dakwah Islam dengan bahasa yang mudah melalui pelbagai aspek sama ada dalam bidang pendidikan, kemasyarakatan dan sosial. Penulis sangat berharap agar nikmat tersebut menjadikan manusia lebih bertakwa. Coretan buku ini juga telah disampaikan melalui aplikasi zoom sehingga episod kedua yang telah menampilkan 6 buah negara dengan kuiz kepada semua peserta.

**Suhaila Sharil**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan  
Negeri Sembilan Kampus Rembau